

Psikologi, emosi mangsa banjir

Oleh SAPORA SIPON

BANJIR yang berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Johor ternyata mengganggu kesejahteraan kehidupan mangsa. Walaupun, setiap individu mempunyai reaksi yang berbeza atau berubah-ubah, kesan bencana seperti banjir sering kali menyebabkan kesan psikologi dan emosi yang membimbangkan.

Apatah lagi jika bencana tersebut menyebabkan kematian. Mangsa korban banjir dilaporkan semakin meningkat dan menjadi kebimbangan banyak pihak.

Walaupun bantuan kepada mangsa banjir seperti bantuan keperluan asas sama ada dalam bentuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan harian amat penting dalam mengurangkan tekanan, pertolongan untuk mengurangkan kesan psikologi dan emosi mangsa banjir juga perlu difikirkan.

Selalunya, dalam mana-mana bencana, bantuan yang diutamakan terlebih dahulu ialah bantuan yang memenuhi keperluan asas dan juga keselamatan mangsa. Keselamatan nyawa adalah perkara yang paling utama diberikan perhatian dalam pengurusan bencana.

Bantuan dalam bentuk mengurangkan tekanan psikologi dan emosi selalunya diberikan selepas bantuan asas ini dipenuhi. Ia juga adalah untuk membantu mangsa bencana meneruskan dan mengurus kehidupan dengan lebih baik selepas sesuatu bencana berlaku.

Pihak kerajaan melalui agensi-agensinya dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bertindak proaktif dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir seperti mana yang berlaku sekarang. Bantuan ini ternyata dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh mangsa.

Bencana seperti gempa bumi, banjir, ribut taufan dan tanah runtuh membawa bersama-sama kesan berbentuk nyata dan tidak nyata. Kesan nyata antara lain ialah seperti kerosakan harta benda, pencemaran, kematian. Manakala kesan tidak nyata boleh berlaku dalam konteks kesan psikologi, emosi, mental (fikiran). Perubahan tingkah laku juga berlaku akibat daripada sesuatu bencana.

Kesan bencana juga bergantung kepada beberapa faktor antara lain seperti magnitud kejadian, jangka masa kejadian, bantuan-bantuan yang diperoleh semasa banjir. Selain daripada itu, golongan seperti warga emas, kanak-kanak, masyarakat berpendapatan rendah lebih menghadapi kesan bencana.

Kesan bencana seperti banjir boleh mengganggu kehidupan jika tidak ditangani dengan baik. Walaupun bantuan dari aspek keselamatan dan memenuhi keperluan asas harian amat membantu dalam mengurangkan tekanan mangsa banjir, bantuan berbentuk mengurangkan tekanan psikologi dan emosi juga wajar diberikan.

□ DR. SAPORA SIPON ialah pensyarah kanan, Program Kaunseling, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).